



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel: 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **ADAPTASI MAFI BANTU TANGANI KRISIS**

**Johor Bahru, 10 Julai 2021** – Sekuriti makanan dicapai apabila beberapa dimensi penting berjaya diraih iaitu ketersediaan, kemampuan, kelestarian dan keselamatan makanan. Dalam jangkamasa pendek ketika bermula penularan wabak covid-19, industri pertanian di Malaysia menghadapi masalah pada mulanya namun isu-isu seperti ketersediaan bekalan dan pemasaran dapat ditangani dengan baik.

Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, majoriti sektor terpaksa 'direhatkan' dan implikasinya begitu besar apabila semua sektor menguncup kecuali sektor pertanian dan industri makanan yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.3% pada tahun 2020.

Inisiatif Pasar Segar Terkawal (PST) diteruskan lagi bermula 1 Jun 2020 sehingga kini dalam usaha bagi mengimbangi penawaran dan permintaan hasil pertanian. Untuk tempoh bermulanya Pelaksanaan Total Lockdown pada 1 Jun 2021, sebanyak 45 buah outlet PST diwujudkan di seluruh negara.

YB Datuk Seri Ahmad Bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I hari ini memantau pelaksanaan operasi Pasar Tani Kekal Datin Halimah. Untuk rekod, pelaksanaan PST secara keseluruhan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM48.67 juta dengan 2,192 bilangan petani mendapat manfaat di mana FAMA membantu dari segi pengaturan pasaran di peringkat ladang. Manakala 6 PST di Johor menyumbang sebanyak 3 juta dari nilai keseluruhan jualan PST FAMA.

“Di dalam Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), MAFI melalui FAMA merancang untuk menambah bilangan PST dan Pasar Tani bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepatkan pengedaran makanan negara”,

“Dijangka sebanyak 10 buah PST bersama 14 buah Pasar Tani lagi akan memulakan operasinya dalam tempoh terdekat dan ini akan memberikan lebih kepada 2,595 orang petani untuk berniaga dan memasarkan hasil pertanian mereka” katanya dalam kenyataan media, di sini, hari ini.

FAMA juga membangunkan 20 Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di seluruh Malaysia yang mana projek ini berfungsi bagi mewujudkan kerjasama strategik usahawan tani dan agensi di bawah MAFI di samping mengoptimalkan hasil pendapatan melalui teknik “vertical farming” dan penggunaan tanah di pejabat-pejabat kerajaan.

Beliau juga berkata, “program ini dapat memberikan galakan kepada usahawan tani dalam merancang tanaman mereka mengikut penjadualan dan menepati kehendak pasaran pada satu-satu masa”.

Terdahulu beliau turut mengadakan lawatan ke salah satu Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas 2 ekar yang dibangunkan di Pejabat FAMA Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB).

Dalam siri lawatan kerja ini, MAFI turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada yang memerlukan iaitu hasilan pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan di sini dengan kerjasama Koperasi Pemasar FAMA Johor Berhad. Seramai 300 orang penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor (RUMAH BARKAT) dan beberapa lagi rumah kebajikan yang mendapat manfaat dalam program ini. Sebanyak 800 kg terdiri dari komoditi buah pisang berangan, rambutan, nanas Josapine, timun, sayur-sayuran berdaun dan barangan runcit.

Sehingga 8 Julai 2021, program MAFI Prihatin yang telah dijalankan oleh jabatan dan agensi di bawah MAFI adalah sebanyak 139 kali melibatkan pelbagai jenis komoditi hasilan pertanian dan industri makanan serta memberi manfaat kepada 64,023 orang penerima terdiri dari *frontliners* dan rakyat yang terkesan akibat pandemik covid-19.

Melalui FAMA, MAFI Prihatin telah memberi manfaat kepada 22,774 orang yang terdiri dari *frontliners*, badan kebajikan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di 89 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 38.61 metrik tan hasil pertanian dan produk industri makanan yang telah disalurkan.

“436 usahawan tani telah dibantu dalam memasarkan 51 jenis hasilan pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan PKP ‘*Total Lockdown*’”, ujar Ahmad lagi.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan oleh YB Datuk Seri Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I (MAFI) kepada En. Ahmad Bin Abu Bakar, Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Johor. Turut hadir Datuk Zainal Abidin bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA.

#####


**Disediakan oleh:**

**BAHAGIAN SEKRETARIAT & KORPORAT FAMA IBU PEJABAT**

**9 JULAI 2021**



**55 LOKASI PASAR SEGAR TERKAWAL (PST):  
PUSAT OPERASI, PASAR TANI KEKAL (PTK), AGROBAZAAR & MY FARM OUTLET (MFO) YANG  
BEROPERASI  
DI SELURUH MALAYSIA DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN**



**Rajah 1: Lokasi 55 PST di seluruh Malaysia**

## MAKLUMAT SEMASA

**Pembukaan Lokasi Baharu Pasar Segar Terkawal (PST)**

**BAHARU**

**+10**

**Lokasi**

**Kemaskini : 08/07/2021**

Kampar	Kuala Kangsar	Bagan Datuk	Perak Tengah	Larut Matang Selama	Batang Padang
Agohub @ RTC Perak	Arena RPA Meor Aris	Dewan Pusat Operasi Fama Bagan Datuk	Arena PPDK Bota Kanan	Arena Kubu Gajah	Arena TN50 Tapah

Kuala Krai	Tanah Merah
Pejabat FAMA Kuala Krai	Pejabat FAMA Tanah Merah

Kota Kinabalu
Pusat Operasi FAMA KKIP

Sibu
Pasar Tani Kekal Permai

**PST Keseluruhan**


**55**

**Lokasi**


**Rajah 2: 10 Lokasi baharu PST**




**14 LOKASI PASAR TANI  
YANG BEROPERASI  
DI SELURUH MALAYSIA DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 TOTAL LOCKDOWN**




Rajah 3: Lokasi 14 Pasar Tani



Rajah 4: Maklumat Lokasi Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Semenanjung Malaysia



Rajah 5: Maklumat Lokasi Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Sabah & Sarawak



Rajah 6: Maklumat MAFI Prihatin FAMA